



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	DUA INDIVIDU DITAHAN DISYAKI CURI LEMBU, LOKAL, HM -21 MELAKA BENARKAN AKTIVITI IBADAT KORBAN, COVID-19, HM -16 MELAKA BERNARKAN IBADAH KORBAN, NEGERI JOHOR, MELAKA, N9, SH -27 CURI LEMBU: PENJAWAT AWAM DITAHAN, NEGERI JOHOR, MELAKA, N9, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7. 8. 9.	MARITIM MALAYSIA TAHAN BOT VIETNAM, DALAM NEGERI, UM -10 BERTERUSAN JADI SASARAN, LOKAL, HM -20 CEROBOH CURI HASIL LAUT, MUKA DEPAN, KOSMO -1 BERMAHARAJALELA DI PERAIRAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -2 TAKTIK MENYAMAR BOT TEMPATA, KIBAR JALUR GEMILANG, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	DURIAN BERTABURAN DI LEBUH RAYA, NEGERI JOHOR, MELAKA, N9, SH -27 BEKAS PENGRURUS MARDI DITUDUH SALAH GUNA KUASA, DALAM NEGERI, UM -11 BEKAS PENGURUS MARDI DAKWA SALAH GUNA KUASA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23 LELAKI ANGKUT 50 EKOR KAMBING SELUDUP DENGAN LORI DITAHAN, NEGARA, KOSMO -14 50 EKOR KAMBING KORBAN DIRAMPAS, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29 PGA RAMPAS 50 KAMBING DISELUDUP DARI THAILAND, NASIONAL, BH -18 HARGA JATUH, PEKEBUN PISANG HILANG 30 PERATUS PENDAPATAN, NASIONAL, BH -10 PROJECT RE-IGNITES INTEREST IN PADI PLANTING, NATION, THE STAR -10 FISHERMEN AND RESOURCES PROTECTED IN PSI PROJECT, NATION, THE STAR -11 PROJEK PULAU PINANG SELATAN MANFAAT SEMUA PIHAK, NASIONAL, BH -9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Dua individu ditahan disyaki curi lembu

Jasin: Dua individu, termasuk seorang penjawat awam, ditahan di sekitar daerah ini kelmarin, kerana dipercayai terbabit mencuri lembu ternakan.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputy Superintendan Mispani Hamdan berkata, penjawat awam berusia 53 tahun dan warga Indonesia berumur 42 tahun ditahan pada dua serbuan berasingan di Kampung Kelubi, jam 4 petang.

Beliau berkata, suspek dipercayai terbabit mencuri dua lembu di Kesang, yang dilaporkan hilang pada 16 April dan 29 Mei lalu.

“Kami menerima dua laporan membabitkan kecurian lembu dan hasil risikan, kami menahan suspek bagi membantu siasatan.

“Lembu itu dipercayai dijual oleh suspek kepada seorang peraih di Kru-bong, Melaka Tengah pada harga RM1,400 dan

RM2,700 seekor,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin di sini, semalam.

Menurut beliau, semakan mendapati, suspek turut memiliki surat sah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membawa haiwan ternakan.

“Siasatan berkaitan surat kebenaran pergerakan haiwan itu masih dijalankan dan kita akan mendapatkan kerjasama daripada JPV negeri.

“Kami percaya, ketika membawa lembu ini untuk dijual kepada peraih, suspek menggunakan laluan tikus bagi mengelak sekatan jalan raya (SJR) selain mereka bergerak pada waktu malam,” katanya.

Mispani berkata, selain dua suspek terbabit, pihaknya percaya terdapat rangkaian lain yang turut melakukan jenayah itu bagi ‘membekalkan’ haiwan ternakan sempena Aidiladha.

Melaka benarkan aktiviti ibadat korban

Melaka: Kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka membenarkan aktiviti ibadat korban dilaksanakan di negeri ini sempena Aidiladha, bulan depan.

Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkata, kebenaran itu bagaimanapun tertakluk kepada peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan kepada semua penganjur aktiviti berkenaan.

Beliau berkata, pelaksanaan ibadat korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dibenarkan kecuali kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), namun ia bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa negeri atas nasihat Kementerian Kesihatan serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ibadat korban semasa PKP hanya boleh dilaksanakan di empat lokasi yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(DVS) iaitu di Kompleks Abatoir Jasin, Kompleks Abatoir Alor Gajah, pusat ternakan haiwan milik Abdullah Sulaiman di Bukit Tembakau dan pusat ternakan haiwan milik Md Yusni Abu Bakar di Sungai Putat di sini.

"DVS bersama pihak berkuasa agama negeri juga menawarkan pusat penyembelihan sementara di kandang ternakan yang mempunyai kemudahan kawasan sembelih atau masjid, surau atau institusi yang mempunyai kawasan lapang dan kemudahan untuk aktiviti penyembelihan serta melapah daging," katanya pada sidang media di lobi Pusat Islam Melaka, Bukit Palah di sini, semalam.

Menurut beliau, bilangan haiwan yang dibenarkan korban adalah lima ekor lembu serta 10 ekor kambing sehari.

"Semua ketetapan itu terpakai selama empat hari bermula 10 sehingga 13 Zulhijjah (hari Tasyrik)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	SINAR HARIAN	JOHOR/NEGERI SEMBILAN/ MELAKA	27

Durian bertaburan di lebuhraya

NILAI - Hampir satu tan buah durian bertaburan di atas jalan selepas lori muatan raja buah ini terbabas sebelum terbalik di Kilometer (KM) 279.9 Lebuhraya Utara - Selatan (arah utara) pada Rabu.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Fazley Ab Rahman berkata, kejadian jam 1.55 petang itu berlaku ketika lori berkenaan yang mengahala ke Kuala Lumpur dari Segamat hilang kawalan dipercayai kerana tayar belakang sebelah kiri pecah sebelum terbabas dan terbalik di lorong kiri.

"Akibat kemalangan, pemandu lori dan seorang kelindan



Buah durian bertaburan di atas jalan selepas lori muatan raja buah itu terbabas dan terbalik di KM 279.9 Lebuhraya Utara - Selatan (arah utara) pada Rabu.

masing-masing berumur 25 dan 52 tahun cedera ringan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, buah durian yang dibawa bertaburan di atas lebuhraya.

"Kes seterusnya disiasat oleh Unit Siasatan Lebuhraya Bukit Aman dan dibuka di bawah Rule 10 LN 166/59.

"Siasatan lanjut masih diteruskan," katanya.

Melaka benarkan ibadah korban

MELAKA - Kerajaan negeri membenarkan pelaksanaan ibadah korban di surau dan masjid negeri ini kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Muftinya, Datuk Abdul Halim Tawil berkata, ibadah korban hanya boleh dilakukan di rumah sembelihan terpilih dan tempat sembelihan sementara yang diuluskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri dan pihak berkuasa agama negeri.

Menurutnya, bilangan dibenarkan dalam tempoh itu sebanyak lima ekor lembu ser-

ta kerbau dan 10 ekor bagi kambing atau biri-biri.

"Ibadah bermula selesai Solat Sunat Aidiladha pada 20 Julai sehingga 23 Julai depan iaitu pada hari Tasyrik pada jam 7 pagi hingga 6 petang.

"Surau dan masjid yang mempunyai kawasan lapang serta kemudahan sembelihan boleh membuat permohonan sebagai pusat sembelihan sementara.

"Permohonan juga termasuk kepada penternak yang mempunyai kawasan untuk aktiviti itu," katanya ketika sidang akhbar di pejabatnya di Bukit Palah, pada Rabu.

Curi lembu: Penjawat awam ditahan

JASIN - Seorang pembantu awam di sebuah hospital di daerah ini ditahan bersama rakannya warga Indonesia selepas disyaki terbabas dalam kegiatan mencuri lembu di kawasan Kesang Pajak pada petang Selasa.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputi Superintendan Mispani Hamdan berkata, suspek berusia 53 dan 43 tahun itu ditahan dalam serbuan berasingan di Kelubi lebih kurang jam 4 petang.

Menurutnya, kejadian itu disedari pemilik lembu berusia 39 tahun dan 45 tahun pada 16 April dan 29 Mei lalu sebelum mendapat tahu seorang peraih di Krubong, Melaka Tengah dipercayai membeli lembu yang dicuri.

"Pengadu kemudian telah

pergi ke Krubong dan hasil maklumat yang diperolehi bersama polis kemudiannya berjaya menjejaki dua suspek berkenaan yang menetap di Kelubi dipercayai terlibat dengan kes kecurian terbabit.

"Berdasarkan risikan dan maklumat itu kita berjaya menahan dua suspek selain merampas semula dua ekor lembu itu," katanya ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin, di sini pada Rabu.

Mengulas lanjut, Mispani berkata, mereka dipercayai menggunakan surat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang sah untuk membawa haiwan ternakan dengan menggunakan lori selain melalui jalan tikus pada waktu malam bagi meng-

gelak kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa.

Katanya, kedua-dua haiwan ternakan itu dipercayai dijual kepada peraih terbabit dengan harga RM1,400 dan RM2,700 setiap seekor.

"Kita percaya terdapat rangkaian lain yang turut melakukan jenayah ini bagi menjual haiwan ternakan itu memandangkan perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Suspek warga Indonesia itu kini direman selama 14 hari dibawah Akta Imigresen manakala seorang lagi suspek dibebaskan dengan jaminan polis disebabkan mengalami masalah kesihatan. Siasatan lanjut masih diteruskan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan," katanya.



Mispani (tengah) menunjukkan dua ekor lembu yang dicuri berjaya ditemui semula di IPD Jasin pada Rabu.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan pihaknya juga menerima laporan polis ber-

hubung kecurian tujuh ekor lembu membabitkan kerugian kira-kira RM15,000 pada Rabu lalu.

Maritim Malaysia tahan bot Vietnam


AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan empat bot nelayan Vietnam bersama 46 kru termasuk tekong yang menceroboh perairan negara, kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, bot itu ditahan kapal peronda KM Nusa di kedudukan 77 hingga 78 batu nautika dari Kuala Terengganu, antara pukul 4 hingga 6 pagi.

Katanya, hasil siasatan awal mendapati bot nelayan Vietnam itu sudah berada di perairan negara lebih sebulan.

"Ketika ditahan kesemua kru berusia antara 15 hingga 62 tahun itu leka menangkap ikan dan pemeriksaan mendapati mereka tiada dokumen pengenalan diri sah.

"Kita turut merampas hasil laut



seberat 14 tan termasuk ikan campur, ikan baja dan sotong di samping 4,000 liter diesel serta peralatan menangkap ikan yang dianggarkan berjumlah RM6

juta," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

■ BOT nelayan Vietnam yang ditahan Maritim

Malaysia ditempatkan di Jeti Maritim Malaysia Kuala Terengganu, semalam.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Berterusan jadi sasaran

Oleh Zatul Iffah Zulkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kisah Terengganu

Perairan negara terus menjadi sasaran nelayan asing untuk dicekang sebelum mencuri hasil laut negara susulan penahanan empat bot nelayan Vietnam membabitkan rampasan bernilai RM6 juta.

Keempat-empat bot nelayan itu ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika Op Kuda Laut pada jarak antara 77 hingga 78 batu nautika dari Kuala Terengganu pada jam 4 pagi, kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, kapal peronda Kapal Maritim (KM) Nusa yang melakukan rondaan menerima maklumat melalui pusat operasi terdapat bot mencurigakan dipercayai bot nelayan asing yang disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan.

Beliau berkata, KM Nusa bergerak ke lokasi kejadian dan mendapati terdapat empat bot nelayan bersama 46

orang termasuk tekong dan awak-awak Vietnam berusia 15 hingga 62 tahun sedang leka menangkap ikan.

"Semua mereka ditahan kerana mencoroboh perairan negara dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah serta tidak memiliki sebarang kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia."

Mereka ditahan bersama hasil tangkapan laut iaitu 14 tan ikan campur dan ikan baja, sotong, 4,000 liter diesel serta peralatan menangkap ikan membabitkan rampasan bernilai RM6 juta.

Siasatan awal mendapati, bot nelayan Vietnam terbabit sudah berada di perairan negara dalam tempoh lebih sebelum berdasarkan hasil tangkapan yang diperolehi, katanya di pejabat APMM Te-

Empat bot nelayan asing ditahan di perairan negara babit rampasan RM6 juta

semalam (kelmarin) sebelum mereka menjalani proses saringan Covid-19.

Katanya, kru APMM yang ditugaskan bertugas turut dikuatkuasakan sebarang kepulauan dikecualikan.

"Kes distiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana mencoroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Suffi berkata, APMM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang mencoroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran.

"Rondaan dan permantauan akan terus dipertingkatkan bagi mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim," katanya.



EMPAT bot nelayan Vietnam disita APMM Terengganu menerusi Op Kuda Laut.



MUHAMMAD SUFFI (kiri) menunjukkan hasil tangkapan dalam bot nelayan Vietnam yang mencoroboh perairan negara.

rengganu di sini, semua nelayan dan empat bot itu tiba di jeti APMM lam.

Muhammad Suffi berkata, negeri pada jam 3 petang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Ceroboh curi hasil laut

Nelayan Vietnam tunggu masa mahu bawa lari ikan bermutu tinggi bernilai jutaan ringgit milik negara

MARITIM Malaysia (APMM) mendedahkan terdapat ratusan bot nelayan Vietnam sedia menunggu di sempadan perairan antarabangsa untuk menceroboh laut negara melalui Terengganu bagi mengaut hasil laut berkualiti tinggi milik Malaysia.

Kegiatan itu berlaku kerana mereka menyangka APMM tidak menjalankan penguatkuasaan maritim ketika ini.

"Kami tidak 'tidur,'" tegas Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2



SEBAHAGIAN daripada nelayan Vietnam yang ditahan kerana menceroboh perairan Terengganu baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	KOSMO	NEGARA	2

Ratusan bot nelayan Vietnam curi ikan berkualiti tinggi, sotong bernilai jutaan ringgit Bermaharajalela di perairan negara

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Maritim Malaysia (APMM) mendedahkan ratusan bot nelayan Vietnam sedia menunggu di sempadan perairan antarabangsa untuk memasuki laut negara bagi mengaut hasil laut berkualiti tinggi milik Malaysia.

Lebih membimbangkan, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh sejak 1 Jun lalu menjadi ruang buat mereka bermaharajalela di perairan Pantai Timur terutama di Terengganu.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Mohd. Ramli berkata, nelayan Vietnam akan berbuat demikian sekiranya pihak berkuasa alpa dan setakat ini bilangan bot mereka yang berdaftar dianggarkan lebih 100,000 buah.

Tsniin lalu, Kapal Maritim (KM) Nusa berjaya menahan empat bot nelayan serentak pada kedudukan 144 kilometer (km) dari perairan Kuala Terengganu.

"Siasatan mendapati kesemua bot itu telah berada di perairan negara sejak awal pelaksanaan PKP Penuh dan telah mengaut 14 tan hasil laut termasuk ikan-



SEBAHAGIAN nelayan Vietnam yang berjaya ditahan APMM ketika ceroboh perairan negara melalui Terengganu baru-baru ini.

ikan bermutu tinggi dan sotong bernilai RM6 juta," katanya ketika ditemui Kosmo!

Muhammad Sufi berkata, taktik licik nelayan Vietnam sudah dijangka berdasarkan trend pengusiran sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 1.0 pada 18 Mac hingga 14 Jun tahun lalu.

Beliau berkata, sepanjang bulan Ramadan dan Syawal tahun lalu, sebanyak 72 bot melibatkan 793 nelayan Vietnam telah diusir dan ia meningkat berkali ganda berbanding 2018 dan 2019.

"Soal siasat mendapati mereka ceroboh sekitar kedudukan 277km dari perairan Terengganu dan kawasan pelantar minyak kerana menyangka penguatkuasaan maritim dikendurkan ketika negara memberi tumpuan melawan Covid-19," katanya.

Tambahnya, kedudukan itu membolehkan mereka melarikan diri dengan pantas.

Muhammad Sufi berkata, pihaknya sentiasa bersedia sedia melakukan rondaan di kawasan seluas 333km dari perairan Terengganu setiap hari melibatkan aset seperti KM Pekan, Tegegas, Langkawi, Tok Bai, Tatau, Gemia, Penggalang 45 dan 16.

Taktik menyamar bot tempatan, kibar Jalur Gemilang



SALAH sebuah bot nelayan Vietnam yang disita kerana menceroobh perairan negara.

KUALA TERENGGANU – Menyamar sebagai bot tempatan dengan menggunakan nombor patil atau pendaftaran palsu merupakan modus operandi yang sering digunakan oleh nelayan Vietnam untuk menceroobh perairan negara.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Mohd. Ramli berkata, nombor patil palsu itu biasanya akan dipasang oleh nelayan asing tersebut sebaik memasuki perairan negara.

"Mereka biasanya akan menanggalkan nombor pendaftaran asal selain tidak segan silu mengibarkan Jalur Gemilang pada bot masing-masing semata-mata untuk mengaburi mata pihak berkuasa," katanya.

Muhammad Sufi berkata, taktik penipuan tersebut tidak berjaya kerana Maritim Malaysia (APMM) sudah masak dengan helah nelayan Vietnam tersebut.

Beliau berkata, penyamaran tersebut biasanya akan terdedah menerusi pemeriksaan buku log bot dan lesen perikanan yang sukar dipalsukan.

Dalam pada itu, Muhammad Sufi tidak menolak kemungkinan keghairahan nelayan Vietnam menceroobh perairan Pantai Timur khususnya Terengganu dibantu oleh kru bot tempatan yang melakukan khianat.

Beliau memberitahu, kebanyakan bot nelayan laut dalam atau C2 tempatan masih menggunakan sepeenuhnya khidmat awak-awak warga Vietnam.

"Kita syaki kru bot nelayan C2 warga Vietnam ini menjadi 'mata dan telinga' rakan senegara mereka untuk memasuki perairan negara ini.

"Mereka dipercayai bukan sahaja menyalurkan maklumat tentang operasi rondaan aset APMM, malah berkongsi di

mana lokasi lubuk ikan dengan nelayan-nelayan Vietnam berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Sufi berkata, nelayan Vietnam yang ditahan didakwa mengikut Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1963 dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Ujarnya, bot, peralatan menangkap ikan, hasil laut dan minyak diesel nelayan asing itu pulia akan disita sebelum bot tersebut akan dikaramkan sebagai tuku tiruan di lokasi strategik di perairan Terengganu sesudah selesai proses melucut hak dilakukan di mahkamah.

"Setakat ini, APMM berjaya menahan 103 buah bot nelayan asing melibatkan jumlah rampasan keseluruhan RM154.5 juta sepanjang Ops Kuda Laut di Pantai Timur mulai awal tahun ini," katanya.

24/6/2021

UTUSAN

DALAM

11

MALAYSIA

NEGERI



MOHD. SAIFUL NIZAM didakwa atas pertuduhan menyalahgunakan kuasa membabitkan projek bernilai RM17,000 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Terengganu, semalam. - UTUSAN/
PUOTRA HAIRRY ROSLI

Bekas pengurus MARDI dituduh salah guna kuasa

Oleh **ROSALINDA MD. SAID**
rosalinda.said@media7mulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Bekas pengurus incubator Institut Pertahanan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyalahgunakan kuasa membabitkan projek bernilai RM17,000, enam tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Saiful Nizam, 40, yang sebelum ini berkhidmat di MARDI Besut membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Noorhish Osman.

Mengikuti pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya dengan mencadangkan sebut barga paling rendah syarikat milik sekutunya untuk mendapatkan kerja-kerja penambahbaikan sistem pemotongan bagi mempelbagai produk hasilan klang jejari berjumlah RM17,000 pada Mac 2015.

Mohd. Saiful didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya PENCEGAHAN Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada

lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Athikah Aziz manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd. Asaari Salleh.

Mahkamah menetapkan 26 Julai depan untuk sebutan semula kes dan tertuduh dibenarkan diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin di samping melapor diri ke SPRM Terengganu setiap awal bulan serta menyerahkan pasport antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	23

Bekas pengurus MARDI didakwa salah guna kuasa

KUALA TERENGGANU - Bekas Pengurus Inkubator Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas dakwaan menyalahgunakan kuasa dan kedudukan melibatkan produk hasil kilang jejari berjumlah RM17,000 enam tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohd Saiful Nizam, 40, yang sebelum ini berkhidmat di MARDI Besut, Terengganu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Nooriah Osman.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd Saiful didakwa menggunakan jawatannya dengan mencadangkan sebut harga paling rendah syarikat milik sekutunya untuk mendapatkan

kerja-kerja penambahbaikan sistem pemotongan atau *slicer* bagi tujuan mempelbagaikan produk hasil kilang jejari berjumlah RM17,000 pada Mac 2015.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Athikah Aziz manakala tertuduh diwakili peguam bela, Mohd Asaari Salleh.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 26 Julai 2021.

Selain itu, tertuduh juga diarahkan melapor diri ke pejabat SPRM setiap 1 haribulan pada setiap bulan dan menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah.



Tertuduh (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu.



SEBANYAK 50 ekor kambing yang dipercayai diseludup dirampas oleh PCA di Kampung Jubakar, Tumpat semalam.

Lelaki angkut 50 ekor kambing seludup dengan lori ditahan

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 menahan seorang lelaki bersama 50 ekor kambing yang dipercayai diseludup di dalam muatan lori dipandunya di Kampung Jubakar, di sini semalam.

Lelaki berusia 47 tahun itu ditahan pada pukul 12.30 tengah malam selepas membawa kambing yang dipercayai untuk dijual di negara ini selain merupakan haiwan sembelihan menjelang

Hari Raya Aidiladha nanti. Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggota PGA melihat sebuah lori dengan bahagian belakangnya ditutup penuh menggunakan kain karvas ketika menjalankan rondaan rutin.

Menurutnya, PCA kemudian telah menahan lori berkenaan untuk melakukan pemeriksaan sebelum menemui 50 ekor kambing di ruang belakang ken-

deraan itu.

"Semasa pemeriksaan dilakukan, suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan bagi membawa haiwan tersebut.

"Suspek bersama 50 ekor kambing itu dibawa ke Balai Polis Chabang Empat, Tumpat untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta Binatang 1953.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	29

50 ekor kambing korban dirampas

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 menahan seorang pemandu lori dengan muatan 50 ekor kambing bernilai RM56,000 yang dipercayai diseludup dari negara jiran bagi persediaan Aidiladha di Kampung Jubakar di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, suspek berusia 47 tahun itu ditahan dalam serbuan Ops Kontraban pada jam 12.30 tengah malam ketika anggotanya sedang menjalankan rondaan berkereta di kawasan berkenaan.

Menurutnya, ketika rondaan pasukannya terserempak sebuah lori berwarna merah dalam keadaan mencurigakan di Kampung Jubakar dan bertindak menahannya.

"Hasil pemeriksaan di belakang lori menjumpai 50 ekor kambing yang dipercayai diseludup dari Thailand bagi persediaan sambutan Hari Raya Aidiladha.

"Pemandu lelaki itu ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah,"

katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Azhari berkata, kambing berkenaan akan ditransitkan ke sebuah stor di satu kawasan sebelum diedarkan kepada pelanggan.

Katanya, kesemua kambing dan lori dibawa ke Balai Polis Chabang Empat di sini untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Dalam perkembangan berlainan, pasukan sama turut merampas 300 liter petrol bernilai RM615 yang dipercayai untuk diseludup ke negara jiran di Pangkalan Haram Tanjung, Pengkalan Kubor.

Azhari berkata, serbuan dilakukan pada jam 11 malam selepas pihaknya terserempak beberapa lelaki mengangkat tong dari dalam sebuah kereta ke dalam perahu ketika melakukan rutin rondaan.

"Semasa polis menghampiri, mereka bertindak melarikan diri dengan menaiki perahu ke arah negara jiran, Thailand manakala selebihnya melarikan diri menggunakan kereta tersebut," katanya.



Suspek berusia 47 tahun ditahan oleh PGA Battalion 7 di Tumpat kerana membawa muatan kambing yang dipercayai diseludup dari negara jiran.



Kambing yang dirampas hasil pemeriksaan di Kampung Jubakar, Tumpat, semalam.

(Foto Ihsan PGA)

PGA rampas 50 kambing diseludup dari Thailand

Tumpat: Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas 50 kambing yang diseludup dari Thailand dianggarkan bernilai RM56,250 di Kampung Jubakar, di sini, semalam.

Pegawai Pemerintah, PGA7, Superintendan Azhari Nusi, berkata seorang lelaki tempatan yang juga pemandu lori berusia 47 tahun dari Kampung Simpangan ditahan.

Katanya, dalam kejadian pada jam 12.30 tengah malam, anggota bertugas sedang menjalankan

rondaan Op Kontrabans sebelum terserempak sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan di Kampung Jubakar.

"Kenderaan itu segera ditahan dan pemeriksaan lanjut di bahagian belakang menjumpai 50 kambing.

"Ketika diminta mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah, pemandu lori berkenaan gagal berbuat demikian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Azhari berkata, pihaknya per-

caya semua ternakan itu dibawa masuk ke negara ini sebagai perisapan untuk Aidiladha.

Katanya, semua kambing itu disorok di sebuah kandang selepas dibawa menyeberang Sungai Golok dengan menaiki bot sebagai transit sebelum dibekalkan kepada mana-mana individu.

"Semua rampasan, termasuk tangkapan dibawa ke Balai Polis Chabang Empat dan kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953," katanya.



Mohd Azlan memeriksa kualiti pisang-pisang berangan sebelum dihantar sendiri ke kedai di Padang Terap pada Khamis.

Harga jatuh, pekebun pisang hilang 30 peratus pendapatan

KUALA NERANG - Dua rakan kongsi yang mengusahakan kebun pisang berangan hilang lebih 30 peratus pendapatan akibat kejatuhan harga pisang di pasaran sejak pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh pada 1 Jun lalu.

Mohd Azlan Abdul Manaf, 37, berkata, peraih membeli buah pisang dengan harga RM1.80 sekilogram, berbanding RM2.50 sekilogram yang dijual sebelum ini.

Menurutnya, keadaan itu menyebab-kan dia dan rakan kongsinya, Azmir Abdul Rahman, 39, mengambil keputusan menjual sendiri pisang ke kedai-kedai di sekitar daerah Padang Terap bagi mengelakkan mereka terus berdepan kerugian.

"Bila buat macam ini bolehlah kami

rasa keuntungan sedikit bagi menampung kehidupan hari-hari. Tapi kena buat kerja lebih sedikitlah dengan menghantar sendiri buah pisang ke kedai.

"Kami jual RM3.50 sekilogram dan komisen 50 sen diberikan kepada tuan kedai jika pisang terjual. Jika pi-sang yang tidak terjual atau rosak, kami akan ganti atau ambil se-mula," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Azlan ber-kata, mereka mengambil pengajaran pada minggu pertama Sekatan Pergerakan Penuh dilaksanakan apabila kira-kira 1,050 kilogram (kg) pisang berangan yang masak terpaksa dilupuskan kerana



MOHD AZLAN

tiada peraih yang membeli. Jelasnya, pihaknya bersedia jual RM2 sekilogram kepada peraih di kawasan itu, namun tiada yang sanggup ambil.

"Harga murah yang di-letakkan oleh peraih di sini berpunca daripada tiadanya saingan daripada peraih luar daerah Padang Terap yang se-lalu datang membeli pisang sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Azmir berkata, se-banyak 750kg pisang berangan dihantar ke 10 buah kedai buah dan runcit.

"Bukan semua pisang terjual. Ada sekitar 40kg pisang tidak terjual. Kami minta tuan kedai berikan kepada orang ramai sahaja," katanya.

Project re-ignites interest in padi planting

KOTA KINABALU: A padi growing project organised by an NGO among farmers is re-igniting interest among traditional Sabah farmers in padi planting.

In Tuaran district, the special "Padi Project" has helped the communities of Kampung Lapasan Ulu and Kampung Tinuhan overcome poverty and provided them with the potential to increase their income in the midst of the Covid-19 pandemic.

The project, which was initiated last year by Forever Sabah, has reported higher returns of up to 240% and yield with the production of 28 tonnes of rice, according to a statement by the NGO.

The project was made possible with support from the Sabah Drainage and Irrigation Department and a special grant from Yayasan Hasanah through funds provided by the federal Finance Ministry.

Forever Sabah chief facilitator Cynthia Ong said three quarters of farmers in Kampung Tinuhan in the Tenhilan area of Tuaran achieved rice self-sufficiency and had additional stocks of rice for sale.



Reaping the benefits: A local farmer holding padi stalks she harvested from her field. Many have turned to padi farming to help boost their income, especially during the current economic climate.

They have also created "Wagas Dati", a brand of rice that's grown organically and sustainably, and launched it on March 23.

Two tonnes of rice worth

RM30,000 were sold this year and more farmers are now eager to grow organic padi as this earns them RM3,000 more per acre than farming with chemicals, she said.

Some of the farmers involved explained that the younger generation had given up on traditional padi farming as the cost was much higher than buying rice imported from Vietnam, Thailand or India.

Saimah Malas, a 61-year-old Dusun woman from Kampung Tinuhan, said that her participation in the project has increased her yield to 2,260kg of padi through 11 different kinds of rice with different properties and tastes.

The project has enabled Saimah to maintain a consistent rice stock to feed her family with surplus for sale to meet her household needs, including hiring additional labour to manage her padi fields.

According to Ong, all the farmers involved are eager to continue on during the coming planting season with another 60 neighbouring farmers now expressing interest to join the project.

The Sabah government is continuing its 30-year effort to reach 60% self-sufficiency in rice production, which currently stands at around 23%.

FISHERMEN AND RESOURCES PROTECTED IN PSI PROJECT

IN RESPONSE to Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi's statement on June 16, 2021 regarding the Penang South Islands (PSI) and fisheries matters in relation to the project's implementation, the Penang Infrastructure Corporation (PIC) would like to categorically address and clarify a number of his remarks.

PIC which is the special purpose vehicle set up by the Penang government for the implementation of the Penang Transport Master Plan and PSI said the clarifications are based on data from the Department of Fisheries (DOF) as well as data collected for the project's Environmental Impact Assessment (EIA) report and the Fisheries Impact Assessment (FIA) report.

Less than 1,000 fishermen affected, not 4,211 as Che Abdullah claimed

The initial number of fishermen provided by DOF on March 26, 2021 was 858. On April 13, 2021, DOF gave a new number of 955. Either number is less than 4,211.

Based on the EIA report, the impacted fishermen will be in-shore or coastal fishermen from the Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul (Tier 1, nearer to PSI), Seri Jerjak, Teluk Tempoyak, Batu Maung, Pulau Betong and Kuala Sungai Rurung (Tier 2, further from PSI) fishermen units.

The list of 955 fishermen provided by DOF is the total number of fishermen from Tier 1 and 2 areas, much lower than 4,211.

PSI will not threaten 87 fish species

According to the EIA and FIA, all species found around the PSI site including the species mentioned are commonly found in Malaysian

coastal waters. The PSI area is not a breeding ground for *bawal putih* (white pomfret), *bawal tambak* (Chinese pomfret) or prawns.

The pomfret is a pelagic fish that normally lives and spawns in deeper waters. For prawns, their nursery grounds are in the estuary and mangrove swamps.

Fish landing at PSI area fishermen units (Batu Maung, Teluk Tempoyak, Gertak Sanggul, Sungai Batu, Teluk Kumbar and Permatang Damar Laut) contributed less than 10% to the 13,418.11 tonnes, Che Abdullah said

Based on DOF information, the Batu Maung unit's Zone B and C trawler boats contributed more than 90% of the 13,418.11 tonnes. The fishing ground for coastal fishermen is only in Zone A which is eight nautical miles (14.8km) from the coastline.

Zone B and C fishermen have larger boats that operate far from the coast in deeper parts of the sea. Zone B fishermen go as far out as 15 nautical miles (NM) while Zone C fishermen go beyond even that, so their daily haul is higher than the average coastal fishermen who operate in Zone A about 8NM from shore.

Coastal fishermen (who work in Zone A) from the other units contributed less than 10% (1,317 tonnes) to the fish landing of 13,418.11 tonnes. The 1,317 tonnes is 1.5% of Penang's fish production of 83,881 tonnes (marine capture fish and aquaculture). This is less than 0.1% of national fish production of 1,844,327 tonnes (1,452,862 tonnes of marine capture fish and 391,465 tonnes from aquaculture).

Fishermen can continue to fish

Fishermen can still go to sea and

fish during and after the reclamation via a 250m-wide navigation channel that allows 24-hour access to the sea.

Improving the livelihood of fishermen is also a top priority in PSI. The Social Impact Management Plan (SIMP) provides financial aid in the form of *ex gratia* to the fishermen, new boat and engine, new floating jetties, a multipurpose commercial fishery building, new jobs and business opportunities, re-skilling, and free tuition and scholarship for fishermen's children.

The State Government's allocation for the SIMP is estimated at RM100mil, the only project in Malaysia to date with such a huge sum set aside for the local fishermen community's improvement.

The PSI also has a range of fisheries enhancement initiatives that include the deployment of artificial reefs, fishery aggregating devices, release of fish and prawn fries, mangrove planting, and marine research funds. This will rejuvenate the marine ecosystem and enhance fisheries in the surrounding area for fishermen.

The Penang state government insists on helping fishermen who want to continue fishing with these various assistances provided in the SIMP and fisheries enhancement programmes.

Noise impact and prawn migration studies

The study on noise pollution impact caused by the project can only be undertaken when reclamation works are ongoing. The consultant has taken the baseline noise and will compare it with noise generated during the reclamation and dredging works.

The State Government is in the process of appointing a suitable

consultant to carry out the prawn migration study. The study involves long observation time, and can be carried out concurrently with the project implementation.

Mudflats in Penang still aplenty

The affected intertidal zone (mudflat) is only 4% of the entire intertidal zone of Penang. There are still plenty of intertidal areas along the west and east coasts of Penang island, and the coastal areas of Seberang Perai.

It should also be noted that mudflats near the Penang South Reclamation (PSR) zone are not breeding grounds for both prawn and pomfret, as explained earlier.

Many areas for coastal fishing

The fishing ground for coastal fishermen in Zone A is 8 NM (14.8km) from the coastline – much larger than the earmarked PSI site. Popular fishing locations for coastal fishermen include the vicinities of Pulau Kendi, which is far from PSI.

Pulau Rimau coral reefs already in poor condition

Based on the EIA report, the coral cover in Pulau Rimau is less than 5% and categorised as "poor", having less conservation value if compared to the coral cover in Pulau Kendi (<30%), which is in "fair health".

PSI area not a popular turtle landing site

The southern coast of Penang Island is not a popular turtle landing site compared to the northern coasts. From 2001 to 2014, there were 721 turtle landings at the northern coasts of Penang Island but only nine at the southern coasts.

The beaches near PSI at Gertak Sanggul, Pantai Belanda, Pantai

Medan, Teluk Kumbar and Telok Tempoyak recorded only nine turtle landing in 14 years, compared to 464 and 208 landings at Pantai Keracut and Telok Kampi respectively in the northern coast.

Dolphins will not lose their food source

Dolphins are known to feed on fish, which are mostly found in deeper waters and not shallow waters like the PSI area.

For the benefit of all

The Penang Infrastructure Corporation reiterates that PSI is a long-term project that will benefit Penang as a whole with its inclusive approach adopted right from the planning stage.

The corporation stressed that PSI is not an undertaking that seeks to benefit one group of people, or to marginalise a certain group of people.

"It is a project with something for everyone and in this case, we have put fishermen first. They top the list of project beneficiaries before others as the PSI's SIMP has been designed especially for them," PIC said in a statement.

"Penang is an industrial state with an economy built on the manufacturing and services sectors.

"The majority of Penangites are working in either the manufacturing or service sectors.

"Therefore, we need to continue to ensure Penang maintains its competitive edge and attractiveness to investors so that the state's economy can grow and safeguard our future for decades to come.

"We hope the deputy minister and the public will not be misled by inaccurate information on the project. PSI is crucial for our economy and future."

Projek Pulau Pinang Selatan manfaat semua pihak

PIC perjas dakwaan menteri pembangunan jejas alam sekitar, sumber perikanan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penang Infrastructure Corporation (PIC) hari ini menjawab 10 isu yang dibangkitkan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi mengenai Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) yang didakwa menjejaskan alam sekitar.

Antara isu yang dijawab PIC iaitu syarikat tujuan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan PSI adalah aktiviti lebih 4,000 nelayan terjejas, ancaman terhadap 87 spesies ikan, kehilangan pendapatan nelayan, impak bunyi dan migrasi udang serta kemusnahan kawasan pantai berlumpur.

Turut dijawab adalah isu pendaratan ikan di Batu Maung, Teluk Tempoyak, Gertak Sanggul, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Permatang Damar Laut; kehilangan separa kawasan penangkapan ikan, kehilangan separa terumbu di Pulau Rimau, kehilangan tempat pendaratan penyu serta kehilangan separa kawasan pemakanan mamalia marin.

Kata PIC, jumlah nelayan yang diseparai Jabatan Perikanan sehingga 13 April lalu adalah sebanyak 955 orang dan bukannya 4,211.

"Berdasarkan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), nelayan yang terkesan adalah nelayan pantai dari unit nelayan Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul dan mereka ini adalah nelayan Tahap 1, yang juga lebih dekat dengan PSR."

"Nelayan Seri Jerjak, Teluk Tempoyak, Batu Maung, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burung adalah Tahap 2 dan berada jauh sedikit dari PSR," katanya, dalam satu kenyataan.

Che Abdullah sebelum ini dilaporkan berkata, Kementerian berkemungkinan akan meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menolok Pelan Pengurusan Alam Sekitar EMP bagi PSI susulan kesan kepada hasil pengeluaran ikan negara.

Mengenai ancaman 87 spesies ikan pula, laporan EIA dan Laporan Penilaian Impak Perikanan (FIA) menunjukkan, spesies itu adalah jenis yang biasa ditemui di perairan pesisir pantai dan kawasan PSI bukan tempat pembiakan bagi bawal putih, bawal tambak dan udang.

"Nelayan juga masih boleh ke laut meneruskan aktiviti penangkapan ikan semasa dan selepas fasa penambakan, malah salah satu keutamaan dalam pembangunan PSI adalah menambah baik sumber pendapatan nelayan."

"Kerajaan negeri juga sedang dalam proses melantik konsultan sesuai untuk menjalankan

kajian migrasi udang dan ia membabitkan tempoh pemantauan yang panjang," katanya.

Menjawab isu kemusnahan kawasan pantai berlumpur (mudflats) PIC menegaskan, zon intertidal (mudflats) yang akan terkesan akibat pelaksanaan PSI hanya merangkumi empat peratus daripada kawasan keseluruhan di Pulau Pinang.

Jelasnya, ada banyak lagi zon intertidal yang menjadi habitat organisme kecil di sepanjang pesisir pantai barat dan timur Pulau Pinang serta Seberang Perai. Kawasan pantai berlumpur berhampiran tapak PSI juga bukan tempat pembiakan bagi udang dan ikan bawal.

PIC turut menyangkal mengenai berlakunya kehilangan separa kawasan penangkapan ikan akibat PSI.

Katanya, kawasan penangkapan ikan bagi nelayan pesisir pantai Zon A adalah dalam lingkungan 8 NM (14.8 kilometer) (km) dari pesisir pantai.

"Maka, kawasan penangkapan ikan yang sedia ada adalah jauh lebih luas daripada tapak PSI. Lokasi penangkapan ikan yang popular dalam kalangan nelayan pesisir pantai adalah termasuk kawasan Pulau Kendi yang jauh dari tapak PSI."

Sementara itu, mengenai kehilangan separa terumbu karang di Pulau Rimau, PIC berkata; berdasarkan laporan EIA, liputan hanya kurang lima peratus dan dilaporkan sebagai "tidak memuaskan", serta kurang mempunyai nilai pemuliharaan jika berbanding dengan liputan terumbu karang di Pulau Kendi iaitu kurang 30 peratus dan me-

nunjukkan kesihatan sederhana memuaskan."

Katanya, kehilangan tempat pendaratan penyu sepenuhnya juga tidak berasas. Kawasan pesisir pantai selatan Pulau Pinang bukan tempat pendaratan penyu yang popular.

"Bagi tempoh masa 14 tahun (2001-2014), kawasan pantai yang berhampiran dengan tapak PSI di Gertak Sanggul, Pantai Belanda, Pantai Medan, Teluk Kumbar dan Teluk Tempoyak hanya mencatatkan sembilan pendaratan penyu."

"Kawasan pesisir pantai utara Pulau Pinang mencatatkan 721 pendaratan penyu dalam tempoh sama. Kawasan yang mencatatkan pendaratan penyu paling banyak adalah Pantai Kerachut (464) dan Teluk Kampi (208)."

"Begitu juga dakwaan mengenai kehilangan separa kawasan pemakanan mamalia marin seperti ikan lumba-lumba, ia juga tidak benar."

"Makanan utama ikan lumba-lumba adalah ikan yang biasanya berada dalam kawasan laut lebih dalam," katanya.

PIC berkata, PSI adalah satu


projek jangka masa panjang memanfaatkan Pulau Pinang secara keseluruhan melalui penderatannya yang inklusif bermula dari peringkat perancangan.

"PSI bukan sebuah pembangunan yang hanya akan memanfaatkan satu kelompok atau bertujuan untuk meminggirkan mana-mana pihak yang tertentu," katanya.

Peruntukan kerajaan negeri untuk SIMP dianggarkan berjumlah RM100 juta, satu-satunya projek di Malaysia setakat ini memperuntukkan jumlah yang begitu besar untuk pemerksaan masyarakat tempatan.

PSI juga akan melaksanakan pelabuhan tukun tiruan dan unjam; pelepasan benih ikan dan udang; penanaman pokok bakau; menyediakan dana untuk penyelidikan marin serta inisiatif lain yang akan menyumbang kepada penambahbaikan sektor perikanan dan persekitaran.

Kerajaan negeri Pulau Pinang komited membantu nelayan yang ingin terus menangkap ikan dengan pelbagai bantuan yang disediakan dalam program pemerksaan SIMP dan perikanan.



Nota:
1. Perjalanan nelayan ke laut adalah terjamin dan tidak terganggu dengan tersedianya lahan air sekitar 250 meter sepanjang tempoh penambakan serta pembangunan PSI. Pembangunan pulau pertama dijangka mengambil masa 20 tahun.

Projek PSI akan melaksanakan inisiatif termasuk penanaman pokok bakau baharu di kawasan PSI yang akan melindungi pantai, mencegah hakisan dan menjadi sumber makanan serta habitat kepada hidupan laut.